

Jumlah pembayaran balik hutang pendidikan meningkat tahun ini

PTPTN sasar kutip RM4 bilion

KOSMO 03/12/2017 MIS 3

Oleh KAMARUDIN HAMZAH

BESUT - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berjaya mengutip RM3.4 bilion pembayaran balik peminjam sejak awal tahun ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, ia termasuk kutipan daripada 2,000 peminjam yang mengambil manfaat tawaran diskaun kerajaan dalam Bajet 2017 untuk menyelesaikan keseluruhan atau sebahagian pinjaman pembiayaan pendidikan mereka.

Katanya, tindakan peminjam membayar balik pinjaman mempunyai kaitan dengan pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang memberi diskaun 15 hingga 20 peratus semasa membentangkan bajet itu.

"Kutipan sebelum ini kita lihat kurang daripada RM1 bilion, dua tahun lalu kita kutip hampir RM2 bilion. Tahun lalu mereka (PTPTN) kutip RM3.4 bilion. Tahun ini, Insya-Allah lebih RM4 bilion akan dikutip.

"Ia peningkatan berbanding kutipan RM2 bilion pada tahun lalu dan RM1 bilion pada 2015," katanya selepas merasmikan program Ceria Kembali Ke Sekolah Parlimen Besut di Dewan Gong Kemuntong di sini se-



PTPTN menasarkankan untuk mengutip semula hutang pendidikan sebanyak RM4 bilion menjelang akhir tahun ini. - Gambar hiasan

malam.

Hadir sama, Ketua Eksekutif PTPTN, Wan Ahmad Wan Yusof.

Pada majlis tersebut seramai 400 pelajar kurang berkemampuan dari seluruh Parlimen Besut menerima bantuan peralatan sekolah dan akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

Idris berkata, setakat ini, PTPTN telah mengeluarkan sejumlah RM51.55 bilion kemudahan pembiayaan pendidikan kepada kira-kira 2.8 juta pelajar.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Besut berkata, sehingga 31 Oktober lalu, sebanyak 3.1 juta akaun SSPN-i dan SSPN-i Plus telah dibuka dengan deposit simpanan berjumlah RM2.9 bilion.

"Sebanyak 10.94 peratus

murid tahun satu juga telah menerima manfaat deposit simpanan percuma RM50 yang ditawarkan oleh kerajaan setelah membuka akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus serendah RM50," katanya.

Pada pembentangan Bajet 2017, Najib memberitahu bahawa kerajaan bersetuju melanjutkan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN termasuk yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Kerajaan juga memberi diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman, 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran dan 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit secara terus mengikut jadual.



IDRIS (kiri) menyampaikan bantuan persekolahan dan siji SPPN-i kepada salah seorang pelajar pada program Ceria Kembali Ke Sekolah Parlimen Besut di Besut semalam.

INFO

PTPTN

- Ditubuhkan di bawah Akta PTPTN 1997 (Akta 566) yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1997
- Fungsi utama untuk menguruskan pembiayaan kewangan dan pinjaman pelajaran pengajian tinggi
- Membolehkan pelajar membiayai sepenuh atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup
- Bertanggungjawab untuk

memungut bayaran balik pinjaman.

- Sehingga 31 Julai lalu, PTPTN sudah memberi pinjaman berjumlah RM50.41 bilion kepada 2.17 juta peminjam
- Mahasiswa yang berjaya tamatkan pengajian dengan keputusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama mendapat pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN